

Gegaran susulan mungkin berlaku

► *Berikutan gempa bumi sederhana berukuran 5.2 skala richter*

UB 10.3.2018 A6

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Felix Tongkul meramalkan beberapa gegaran susulan akan terus berlaku di kawasan Ranau berikutan gempa bumi berukuran 5.2 skala richter yang berlaku pada 9.06 malam Khamis.

Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Felix Tongkul berkata, gegaran yang berlaku pada malam Khamis itu adalah gegaran baharu dan bukan gegaran susulan daripada gempa bumi pada 5 Jun 2015.

Katanya, gegaran susulan selepas gempa bumi yang meragut 18 nyawa pendaki pada Jun 2015 sudah lama berhenti kerana tiada laporan

gegaransusulan diterima dalam tempoh yang agak lama.

Beliau berkata, gegaran sederhana dengan magnitud 5.2 sebegitu hanya boleh berlaku selang 10 tahun. Namungegaransusulandengan magnitud lebih kecil akan terus berlanjutan sehingga ia boleh sebatidengankeadaan kawasan itu.

Menurutnya, sebelum gegaran sederhana dengan



FELIX

kedalaman lima kilometer (5km) itu berlaku terdapat satu gegaran bermagnitud 2.8 dikesan pada 9.27 pagi Khamis.

Tetapi gegaran itu tidak dirasai penduduk di sekitar kawasan terlibat.

Ditanya adakah gegaran yang berlaku itu memberi kesan terhadap Gunung Kinabalu, Felix berkata, disebabkan gempa bumi itu berlaku di kawasan yang hampir dengan Gunung Kinabalu, ia pasti memberi kesan ke atas gunung berkenaan.

Akan tetapi kesannya tidak seteruk gempa bumi berukuran 5.9 skala richter yang berlaku pada Jun 2015.

Dalam kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, pada 8.09 pagi Jumaat berlaku

satu gempa bumi lemah dengan magnitud 3.1 dengan kedalaman 10km di Ranau. Tiada sebarang amaran Tsunami dikeluarkan.

Sementara itu, Pegawai Daerah Ranau Faimin Kamin berkata, tiada sebarang kerosakan struktur bangunan dilaporkan berlaku di sekitar Ranau.

Katanya, beliau sudah menghubungi semua agensi termasuk Pejabat Pendidikan Daerah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk mendapatkan laporan kerosakan, setakat ini tiada sebarang laporan kerosakan

diterima.

Jika tiada laporan yang dimaklumkan kepada Pejabat Daerah maka, memang tiada kerosakan yang berlaku.

Beliau memaklumkan Jawatankuasa Bencana Alam Daerah belum lagi diaktifkan kerana keadaan yang berlaku masih terkawal.

Bagaimanapun, pihaknya akan terus melakukan pemantauan biasa dengan penyelarasan daripada agensi lain seperti Polis, Jabatan Bomba & Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM).